

## TAR UC IN THE LIMELIGHT



31 July 2022

## Madeline's Dream is for Olympian Status

## Madeline impikan status Olimpian

UBON RATCHATHANI – Atlet karate wanita negara, Madeline Wong mahu menjadikan pingat perak pada Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2022 sebagai pembuka jalan untuk melakar kejayaan di peringkat lebih tinggi.

Biarpun tidak membawa pulang pingat emas, tetapi Madeline, 20, tetap berbangga dengan pencapaiannya meraih tempat kedua acara kata individu memandangkan kebanyakan lawannya bertaraf Sukan SEA.

Justeru, atlet dari Pulau Pinang itu berharap dapat meningkatkan persembahannya agar layak beraksi pada temasya-temasya lebih besar termasuk Sukan Olimpik sekiranya acara karate dipertandingkan di peringkat berprestij dunia tersebut pada masa depan.

"Pada mulanya saya agak gementar kerana dah lama tak ikut kejohanan antarabangsa. Jadi, saya cuma jangka dapat pingat gangsa sebabkan status pesaing-pesaing saya.

"Fokus saya kepada persembahan sahaja, tak fikir pingat. Mentaliti saya ketika itu mahu buat kejutan dan tinggalkan impak yang positif kepada semua orang.

"Saya berharap pingat ini dapat memberikan motivasi kepada saya. Impian saya mahu menjadi Olimpian dan harap



## MADELINE

karate dapat berada di Sukan Olimpik seterusnya," kata penuntut di Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (TAR UC) Pulau Pinang itu.

Pelajar jurusan Sarjana Muda Kewangan dan Perakaunan itu, bertekad memastikan

dirinya sentiasa dalam keadaan bersedia untuk kejohanan-kejohanan seterusnya.

Atlet vang meminati Barcelona dan Paris Saint-Germain itu akan berusaha 100 peratus sekiranya rezeki memihak kepada dirinya terpilih mewakili Malaysia di pentas antarabangsa selepas ini.

"Selepas ini mungkin FISU (Sukan Universiti Dunia), tetapi keputusan bergantung kepada MASUM (Majlis Sukan Universiti Malaysia) dan IPT (institusi pengajian tinggi)," ujar Madeline yang meminati Lionel Messi.





